



Manfaat-manfaat yang diibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Zurich Takaful Malaysia Berhad
No. Pendaftaran 200601012246 (731996-H)
Tingkat 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622 www.zurich.com.my



ZURICH, Logo Z dan Tanda Z merupakan cap dagangan Zurich Insurance Company Ltd, didaftarkan di pelbagai bidang kuasa di seluruh dunia.

ZT0370/3/P/L/B/M



Takaful Perubatan



MediAfya

Kesihatan Dan Kesejahteraan Beriringan



TAHUKAH

ANDA?

Hampir separuh atau 45.5% penduduk Malaysia tidak memiliki pelan perubatan. Malahan, ada segelintir yang tidak melihat ini sebagai satu keperluan. Lebih membimbangkan lagi adalah fakta yang menunjukkan sebanyak 43% masih tidak mempunyai perlindungan kesihatan peribadi kerana mereka tidak berkemampuan.* Ini bermakna apabila berlaku kecemasan, satu-satunya penyelesaian mereka ialah sistem kesihatan awam.

*'Hampir Separuh Rakyat Malaysia Kurang Perlindungan Kesihatan', codeblue.galacentre.org, 3 Jun 2020.



Memperkenalkan MediAfya

Kecemasan perubatan adalah perkara terakhir yang diingini oleh sesiapa pun. Tetapi, inilah perkara pertama yang kita perlu bersedia untuk hadapi, terutamanya apabila inflasi mengakibatkan peningkatan kos rawatan perubatan. Di Zurich Takaful, kami mahu sentiasa membantu anda untuk bersedia menghadapi ketidakpastian dalam kehidupan. Itulah sebabnya kami memperkenalkan **MediAfya**, manfaat tambahan perubatan pilihan yang menawarkan rawatan perubatan yang anda perlu dengan kemasukan hospital tanpa kerumitan di mana-mana hospital panel kami. Dengan pelan ini, yakinlah bahawa anda akan mendapat perlindungan perubatan yang komprehensif dan menikmati ketenangan fikiran tanpa bimbang dengan kos perubatan yang tidak dijangka.

Manfaat & Ciri-Ciri Produk

1



Perlindungan Perubatan Yang Menyeluruh

MediAfya menawarkan perlindungan komprehensif termasuk ujian diagnostik prakemasukan hospital, rawatan selepas penghospitalan serta manfaat pesakit luar seperti rawatan dialisis buah pinggang dan rawatan kanser.

2



Perlindungan Tahunan sehingga RM350,000 Tanpa Had Seumur Hidup

Had seumur hidup merupakan jumlah keseluruhan manfaat perubatan yang layak di mana anda boleh membuat tuntutan sepanjang tempoh pelan perubatan. Tetapi, kecemasan perubatan yang tidak dijangka adalah kos yang tidak diduga. Manfaat tambahan perubatan ini menawarkan perlindungan tiada had seumur hidup agar anda dapat menikmati ketenangan fikiran. Malahan, pelan ini dijamin boleh diperbaharui sehingga umur 80 tahun.

3



Lindungi Anda Pada Masa Yang Diperlukan

Kehidupan penuh dengan ketidakpastian, tetapi, kita boleh membuat persediaan lebih awal supaya tidak terperangkap. Sekiranya anda dimasukkan ke hospital akibat kemalangan, Ko-Takaful akan dikecualikan dan anda dapat fokus sepenuhnya terhadap pemulihan kesihatan.

4



Manfaat Hospital Kerajaan

Nikmati pengecualian Ko-Takaful sekiranya anda dimasukkan ke Hospital Kerajaan atau Separa Kerajaan. Untuk kemasukan ke Hospital Kerajaan, anda juga akan menerima elaun harian sehingga RM280.

5



Kemasukan Hospital Tanpa Kerumitan

Apabila anda dimasukkan ke hospital, anda tidak perlu bimbang tentang bebanan kewangan. MediAfya menawarkan kemudahan penghospitalan tanpa tunai. Ini membolehkan anda mendapatkan kemasukan hospital segera dengan kad perubatan anda di mana-mana hospital panel kami.

Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat.

Jadual Manfaat

Pelan	Pelan 180	Pelan 280
Had Keseluruhan	Had (RM)	
Had Tahunan	250,000	350,000
Had Seumur Hidup	Tiada Had Seumur Hidup	
Manfaat Pesakit Dalam		
Bilik Hospital & Penginapan Harian (had sehari, tiada had hari)	180	280
Elaun Tunai Harian Di Hospital Kerajaan (had sehari, tiada had hari)	180	280
Unit Rawatan Rapi atau Unit Kebergantungan Tinggi (maksimum 120 hari setahun)	Seperti Yang DicaJ, tertakluk kepada sebarang Ko-Takaful ¹	
Bekalan & Khidmat Hospital		
Bayaran Pembedahan		
Bayaran Pakar Bius		
Bayaran Bilik Pembedahan		
Bayaran Ambulans		
Lawatan Pakar Dalam Hospital • Pembedahan - tiada had lawatan • Bukan pembedahan – maksimum 2 lawatan sehari		
Pemindahan Organ (mana-mana organ, tiada had bilangan pemindahan)		
Manfaat Pesakit Luar		
Ujian Diagnostik Prakemasukan Hospital (dalam masa 90 hari sebelum Penghospitalan) • Ujian Diagnostik • Rundingan Pakar/Pengamal Perubatan Am • Ubat dan Rawatan	Seperti Yang DicaJ, tertakluk kepada sebarang Ko-Takaful ¹	
Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam masa 180 hari selepas discaj) • Ujian Diagnostik • Rundingan Pakar • Ubat dan Rawatan		
Pembedahan Harian		
Rawatan Pesakit Luar Bagi Kemalangan dan Kecemasan (dalam masa 72 jam dan rawatan susulan sehingga maksimum 31 hari)	Seperti Yang DicaJ	

Pelan	Pelan 180	Pelan 280
Manfaat Pesakit Luar		
Had Manfaat Pesakit Luar di bawah adalah tambahan kepada Had Tahunan		
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar (had setahun) ²	150,000	250,000
Rawatan Kanser Pesakit Luar (had setahun) ²		
Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar (had setahun, dalam masa 180 hari dari tarikh keluar hospital/pembedahan)	5,000	
Manfaat Lain		
Kanta Intraokular – Monofokal/Multifokal (sekali bagi seumur hidup, had bagi setiap mata)	3,000	5,000
Pendapat Perubatan Kedua – Rawatan Penyakit Kritikal (had setahun)	1,000	
Bayaran Laporan Perubatan	Seperti Yang Dicaaj	
Program Rujukan Bantuan Kecemasan (Had di bawah Program Rujukan Bantuan Kecemasan adalah tambahan kepada Had Tahunan)	Seperti yang tertakluk dalam peruntukan manfaat di bawah Program Rujukan Bantuan Kecemasan	

¹Ko-Takaful sebanyak 10% daripada perbelanjaan perubatan yang layak akan dikenakan, tertakluk kepada maksimum RM1,000 setiap Tahun Sijil Manfaat Tambahan. Bagaimanapun, Ko-Takaful akan dikecualikan bagi kemasukan ke Hospital Kerajaan/Separa Kerajaan Malaysia (atas apa-apa sebab) atau Hospital Swasta (disebabkan kemalangan sahaja).

²Had setahun bagi Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar dan Rawatan Kanser Pesakit Luar adalah had gabungan.

Program Rujukan Bantuan Kecemasan

Program Rujukan Bantuan Kecemasan merupakan kemudahan program bantuan antarabangsa yang dikendalikan oleh Integrated Health Plans (Malaysia) Sdn Bhd. Hubungi 1-800-82-6100 dari mana-mana di seluruh dunia untuk mendapatkan perkhidmatan tambahan.

Program Bantuan Perubatan Antarabangsa



Rundingan dan penilaian perubatan menerusi telefon tentang keadaan Orang Yang Dilindungi, rujukan perubatan dan urusan temujanji perubatan, urusan jaminan kemasukan ke hospital, penghantaran ubat yang tidak terdapat di pasaran tempatan, pemindahan perubatan, penghantaran balik perubatan, pemantauan perubatan dan penyampaian mesej kecemasan, penghantaran balik jenazah, lawatan ke katil oleh kawan/saudara-mara dan kepulangan anak-anak yang melancong bersama Orang Yang Dilindungi.

Bantuan Perjalanan*



Keperluan visa, pasport dan inokulasi, bantuan penemuan kehilangan barang, penyampaian mesej kecemasan, urusan penerbangan, rujukan perundangan, rujukan penterjemah serta maklumat cuaca dan pertukaran mata wang asing.

Bantuan Kenderaan*



Penundaan kecemasan 24 jam dan pembaikan kecil di tepi jalan, had kawasan, bantuan sewa kenderaan, bantuan urusan penginapan hotel dan rujukan ke pusat servis.

Bantuan Kediaman*



Perkhidmatan membaiki paip, perkhidmatan tukang kunci, perkhidmatan pembaikan am, perkhidmatan penyaman udara dan perkhidmatan kawalan serangga perosak.

*Khidmat rujukan sahaja. Sebarang perbelanjaan dan/atau liabiliti yang dikenakan untuk perkhidmatan tersebut akan ditanggung oleh Peserta.

Perkhidmatan ini tidak dijamin kerana ia dikendalikan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga dan penerusan perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada perjanjian antara Zurich Takaful Malaysia Berhad dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga.

Bagaimanakah MediAfya Berfungsi?

Mari kita lihat dua individu berbeza dalam dua senario yang berbeza.

Rina



Senario 1 – Penghospitalan untuk Pembedahan

MediAfya Pelan 280

Bilangan Hari Dimasukkan ke Hospital: 5 hari

Perbandingan antara rawatan yang diterima di Hospital Kerajaan dan Swasta:

	Hospital Kerajaan	Hospital Swasta
Jumlah Perbelanjaan Perubatan Yang Layak	RM50,000	RM50,000
Ko-Takaful	10% Ko-Takaful (Terhad kepada RM1,000)	10% Ko-Takaful (Terhad kepada RM1,000)
Perlu Bayar Ko-Takaful?	Tidak	Ya
Jumlah Kos Perubatan yang Ditanggung oleh MediAfya	RM50,000	RM49,000
Jumlah Kos Perubatan yang Ditanggung oleh Rina	Dikecualikan	RM1,000
Elaun Tunai Harian	RM280 x 5 = RM1,400	Tidak Berkenaan
Penerangan	Disebabkan Rina dimasukkan ke hospital kerajaan, Ko-Takaful akan dikecualikan dan sejumlah RM1,400 akan dibayar sebagai Elaun Tunai Harian.	Disebabkan jumlah 10% Ko-Takaful melebihi jumlah yang perlu dibayar bagi Ko-Takaful, jumlah Ko-Takaful yang perlu ditanggung oleh Rina ialah RM1,000.

Rahman



Senario 2 – Penghospitalan Akibat Kemalangan

MediAfya Pelan 180

Hospital Swasta

Jumlah Perbelanjaan
Perubatan Yang Layak

RM50,000

Ko-Takaful

10% Ko-Takaful
(Terhad kepada RM1,000)

Perlu Bayar Ko-Takaful?

Tidak

Jumlah Kos Perubatan yang
Ditanggung oleh MediAfya

RM50,000

Jumlah Kos Perubatan yang
Ditanggung oleh Rahman

Dikecualikan

Penerangan

Disebabkan Rahman dimasukkan ke hospital akibat kemalangan, Ko-Takaful akan dikecualikan dan bil perubatan ditanggung sepenuhnya oleh MediAfya.

Model Wakalah

Zurich Takaful Malaysia Berhad beroperasi menggunakan model Wakalah di mana kami berperanan sebagai ejen kepada Peserta untuk menguruskan operasi perniagaan Takaful. Yuran Wakalah akan dikenakan terlebih dahulu daripada caruman yang dibuat. Tabarru'¹ (derma) akan ditolak dan dimasukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP)², di mana ia akan digunakan untuk sumbangan dan bantuan bersama, berdasarkan konsep Takaful. Manfaat akan dibayar daripada DRP hanya apabila berlaku sesuatu kejadian yang dilindungi, bukan setelah mencapai tempoh matang atau serahan sijil. Sekiranya terdapat Lebihan yang diisytiharkan pada setiap akhir tahun kewangan, lebihan tersebut akan dikongsi bersama-sama dengan Peserta yang layak dan Pengendali Takaful (atau kami) dalam 50:50, berdasarkan kontrak Hibah (hadiah) dan Ju'alah (yuran prestasi). Keuntungan pelaburan yang terhasil dalam Akaun Pelaburan Peserta (APP) TIDAK DIJAMIN dan bergantung kepada prestasi sebenar pelaburan. 100% daripada keuntungan pelaburan yang diperolehi dalam APP adalah kepunyaan Peserta dan akan dikreditkan ke Akaun Pelaburan Peserta (APP).

¹Tabarru' bermaksud derma dan merupakan jumlah yang dipersetujui oleh Peserta untuk disalurkan bagi tujuan membantu sesiapa yang menyertai Pelan Takaful dan untuk membayar Perlindungan Takaful.

²Dana Risiko Peserta (DRP) adalah akaun pegangan Peserta di mana Tabarru' (derma) akan disalurkan dan digunakan untuk membantu Peserta lain yang menghadapi musibah.

Soalan-soalan Lazim

1

Apakah MediAfya?

MediAfya ialah manfaat tambahan perubatan pencaruman pilihan yang boleh dilampirkan pada pelan takaful keluarga terpilih yang menyediakan perlindungan perubatan sehingga umur 80 tahun.

2

Apakah tempoh perlindungan untuk MediAfya?

Tempoh perlindungan manfaat tambahan akan mengikut tempoh perlindungan sijil asas pelan takaful keluarga anda.

3 Siapa yang layak untuk dilindungi oleh MediAfya?

Orang Yang Dilindungi yang berumur antara 30 hari hingga 70 tahun (umur dicapai) layak untuk dilindungi oleh MediAfya sebagai manfaat tambahan kepada pelan takaful keluarga terpilih. Peserta mestilah berumur sekurang-kurangnya 16 tahun.

4 Berapakah caruman yang perlu dibuat?

Caruman yang perlu dibuat bergantung kepada umur dicapai, jantina, pelan yang dipilih dan tertakluk kepada taja jamin. Caruman akan berubah secara automatik seiring dengan umur. Kami akan memaklumkan mengenai sebarang perubahan kepada caruman dan Tabarru' dengan memberi notis bertulis dalam masa 3 bulan terdahulu. Sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk untuk caruman yang perlu dibuat.

5 Apakah yuran dan caj untuk MediAfya?

Yuran dan Caj	Penerangan
Yuran Wakalah	28% daripada caruman akan dikenakan sebagai Yuran Wakalah sepanjang tempoh perlindungan.
Tabarru'	Tabarru' akan ditolak secara bulanan daripada Akaun Pelaburan Peserta (APP) untuk pembayaran perlindungan takaful anda. Kadar Tabarru' berdasarkan umur dicapai, jantina, pelan yang dipilih dan tertakluk kepada taja jamin untuk Orang Yang Dilindungi.

6 Adakah caruman yang dibuat untuk manfaat tambahan perubatan ini layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya. Caruman yang dibuat layak untuk pelepasan cukai pendapatan di samping pelan takaful keluarga atau insurans hayat yang lain, tertakluk pada keputusan mutlak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

7 Apakah Ko-Takaful dan bagaimana ia berfungsi?

Ko-Takaful ialah pengaturan perkongsian kos antara Peserta dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Peserta harus membayar 10% daripada jumlah perbelanjaan perubatan yang layak di bawah MediAfya, tertakluk kepada maksimum RM1,000, manakala Zurich Takaful Malaysia Berhad akan menampung baki yang selebihnya.

Berikut ialah contoh bagaimana Ko-Takaful dikira:

	Contoh 1	Contoh 2
Jumlah Perbelanjaan Perubatan Yang Layak	RM5,000	RM20,000
Ko-Takaful sebanyak 10% (Terhad kepada RM1,000)	RM500	RM1,000

Bagaimanapun, Ko-Takaful akan dikecualikan bagi kemasukan ke Hospital Kerajaan/Separa Kerajaan Malaysia (atas apa-apa sebab) atau Hospital Swasta (disebabkan kemalangan sahaja).

8 Adakah saya dilindungi untuk rawatan perubatan di luar Malaysia?

Ya, tetapi rawatan perubatan di luar Malaysia haruslah dirujuk oleh Pakar Perubatan yang merawat, dan terhad kepada Bayaran Munasabah dan Biasa dan Caj Yang Diperlukan Dari Segi Perubatan yang setara dengan rawatan tempatan yang diperolehi di Malaysia. Perlindungan seluruh dunia ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa anda tidak tinggal atau berkunjung ke luar negara melebihi 90 hari secara berterusan.

9 Apakah yang tidak dilindungi oleh MediAfya?

MediAfya tidak melindungi apa-apa penghospitalan, pembedahan atau bayaran yang disenaraikan di bawah. Sila ambil perhatian bahawa senarai ini adalah tidak menyeluruh dan anda disarankan merujuk senarai lengkap dalam Sijil Tambahan Takaful.

1. Keadaan sedia ada.
2. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama bagi perlindungan berterusan.
3. Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan atau tarikh penguatkuasaan semula bagi Orang yang Dilindungi, mengikut mana-mana yang terakhir kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.

Nota Penting

- Zurich Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Zurich Takaful Malaysia Berhad diwajibkan mematuhi keperluan Syariah dan Pengawalan dengan ketat.
- Ini adalah produk Takaful dan direka seiring dengan prinsip Syariah.
- MediAfya ialah manfaat tambahan perubatan pencaruman yang dilampirkan kepada pelan takaful keluarga terpilih. Tabarru' ditolak dari Akaun Pelaburan Peserta pada setiap bulan, bergantung pada umur yang dicapai, jantina, keadaan kesihatan dan pelan yang dipilih.
- Ini adalah pelan perubatan takaful keluarga yang boleh diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan sehingga umur 80 tahun. Ia tidak memberikan manfaat apabila sijil ditamatkan, tamat tempoh atau mencapai tempoh matang.
- Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini boleh memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan bahawa jumlah caruman yang dibuat di bawah sijil ini merupakan amaun yang anda mampu.
- Sekiranya sijil asas takaful keluarga yang dilampirkan dengan sijil manfaat tambahan ini, dibatalkan dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran dokumen sijil, Zurich Takaful Malaysia Berhad akan mengembalikan caruman penuh yang dibuat, ditolak perbelanjaan perubatan.
- Caruman dan caj Tabarru' untuk pelan ini tidak dijamin dan Zurich Takaful Malaysia Berhad berhak untuk mengkaji semula Tabarru' dengan memberi notis bertulis dalam masa 3 bulan terdahulu kepada Peserta.
- Brosur ini hanya mengandungi keterangan ringkas mengenai produk dan tidak lengkap. Anda disarankan untuk membacanya bersama-sama Risalah Pemasaran dan Lembaran Pendedahan Produk untuk mengetahui lebih lanjut mengenai produk. Untuk penjelasan terperinci mengenai manfaat, pengecualian, terma dan syaratnya, sila rujuk sijil. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi salah seorang Perancang Kewangan kami untuk maklumat lebih lanjut.
- Semua caruman dan yuran yang dibuat untuk manfaat tambahan ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.
- Versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau kekaburan yang timbul daripada penterjemahan ke Bahasa Malaysia.

Hospital Panel

Sila layari <https://www.zurich.com.my/en/customer-hub/my-claims/panel-hospitals> untuk muat turun senarai hospital panel.

Untuk keterangan lanjut dan bantuan mengenai **MediAfya**, sila hubungi **Perancang Kewangan Zurich** kami atau **Pusat Panggilan Zurich** di **1-300-888-622** atau e-mel kami di **callcentre@zurich.com.my**

DID YOU

KNOW?

Nearly half or 45.5% of Malaysia's population do not own a medical plan. While a few do not see this as a necessity, the worrying fact points at a staggering 43% who have no personal health coverage as they cannot afford to do so.* This means that in an emergency, their only recourse is the public health system.

**'Nearly Half Of Malaysians Lack Health Coverage',
codeblue.galacentre.org, 3 June 2020.*



Introducing MediAfya

A medical emergency is the last thing anybody wants, but it is one of the first things we need to prepare for – especially as inflation continues to push up medical care costs. At Zurich Takaful, we are always looking for ways to help you prepare for the unexpected. This is why we introduced **MediAfya**, an optional medical rider that gives you the medical care you need with hassle-free admission at any of our panel hospitals. With this plan, rest assured that you will be getting comprehensive medical coverage, so you can enjoy peace of mind without worrying about the unexpected medical cost.

Product Benefits & Features

1



Comprehensive Medical Coverage

MediAfya puts your mind at ease with its comprehensive coverage, ranging from diagnostic tests performed prior to hospitalisation to post-hospitalisation treatments, and out-patient benefits including cancer and kidney dialysis treatments.

2



Annual Protection of up to RM350,000 with No Lifetime Limit

A lifetime limit is the total amount of eligible medical benefit that you can claim throughout the medical plan's duration. But an unexpected medical emergency comes with an unexpected cost. This medical rider comes with no lifetime limit for your peace of mind. Even better, the plan is guaranteed renewable up to the age of 80.

3



Covering You in Times of Need

Life is full of uncertainties, but preparing in advance helps to ensure we are not caught off guard. In the event that you are hospitalised due to an accident, the Co-Takaful will be waived and you can focus on your road to recovery.

4



Government Hospital Benefit

Enjoy zero Co-Takaful if you are admitted to a Semi-Government or Government Hospital. For admission to a Government Hospital, you will also receive a daily cash allowance of up to RM280.

5



Hassle-free Hospital Admissions

When you are admitted to a hospital, the last thing you want to be burdened with is whether you have enough cash on hand. MediAfya comes with the convenience of cashless hospitalisation. This enables you to a speedy admission when you show your medical card at any of our panel hospitals.

Note: Terms and conditions apply.

Schedule of Benefits

Plans	Plan 180	Plan 280
Overall limit	Limit (RM)	
Annual Limit	250,000	350,000
Lifetime Limit	No lifetime limit	
In-Patient Benefits		
Daily Hospital Room & Board (limit per day, unlimited number of days)	180	280
Daily Cash Allowance at Government Hospital (limit per day, unlimited number of days)	180	280
Intensive Care Unit or High Dependency Unit (maximum 120 days per annum)	As Charged, subject to any Co-Takaful ¹	
Hospital Supplies & Services		
Surgical Fees		
Anaesthetist Fees		
Operating Theatre Fees		
Ambulance Fees		
In-Hospital Specialist Visit • Surgical – unlimited number of visits • Non-surgical – maximum 2 visits/day		
Organ Transplant (any organ, unlimited number of transplants)		
Out-Patient Benefits		
Pre-Hospitalisation Diagnostic Tests (within 90 days prior to Hospitalisation) • Diagnostic Tests • Specialist/General Practitioner Consultation • Medication and Treatment	As Charged, subject to any Co-Takaful ¹	
Post-Hospitalisation Treatment (within 180 days after discharge) • Diagnostic Tests • Specialist Consultation • Medication and Treatment		
Day-Care Surgery		
Emergency Accidental Out-Patient Treat- ment (within 72 hours and follow-up treatment up	As Charged	

Plans	Plan 180	Plan 280
Out-Patient Benefits		
The limit under the following Out-Patient Benefits is additional to the Annual Limit		
Out-Patient Kidney Dialysis Treatment (limit per annum) ²	150,000	250,000
Out-Patient Cancer Treatment (limit per annum) ²		
Out-Patient Physiotherapy Treatment (limit per annum, within 180 days from discharge/surgery)	5,000	
Other Benefits		
Intraocular Lens – Monofocal/Multifocal (once per lifetime, limit on each eye)	3,000	5,000
Second Medical Opinion – Critical Illness Treatment (limit per annum)	1,000	
Medical Report Fees	As Charged	
Emergency Assistance Programme (EAP) (The limit under EAP is additional to the Annual Limit)	In accordance with the benefit provisions in EAP agreement	

¹A Co-Takaful of 10% from the eligible medical expenses shall apply, subject to a maximum of RM1,000 per Rider Certificate Year. However, Co-Takaful will be waived for admission to Malaysian Government/Semi-Government Hospital (due to any cause) or Private Hospital (due to accident only).

²Out-Patient Kidney Dialysis Treatment and Out-Patient Cancer Treatment benefit limit per annum is a combined limit.

Emergency Assistance Programme

The Emergency Assistance Programme is an international assistance programme facilitated by Integrated Health Plans (Malaysia) Sdn Bhd. Just call 1-800-82-6100 from any part of the world for extended

International Medical Assistance Programme



Tele-medical consultation and evaluation of the Person Covered's condition, medical referral and arrangement of medical appointments, arrangement of hospital admission guarantee, dispatch of medication not available locally, medical evacuation, medical supervised repatriation, medical monitoring and emergency message transmission, repatriation of mortal remains, visit to bedside by a friend/relative and return of children travelling with the Person Covered.

Travel Assistance*



Visa, passport and inoculation requirements, location of lost items, emergency message relay, arrangement of flights, legal referral, referral to interpreter/translator and weather and foreign exchange information.

Car Assistance*



24-hour emergency towing and minor roadside repair, territorial limits, car rental assistance, arrangement for hotel accommodation and referral to service centre.

Home Assistance*



Plumbing assistance, locksmith assistance, general repair assistance, air-conditioning assistance and pest control assistance.

*Referral service only. Any expenses and/or liabilities incurred for such service shall be borne by the Participants.

These services are not guaranteed as they are provided by a third-party service provider, and the continuation of these services are subject to the agreement between Zurich Takaful Malaysia Berhad and the third-party service provider.

How Does MediAfya Work?

Let us look at two different people facing two different scenarios.

Rina



Scenario 1 – Hospitalisation for Surgery

MediAfya Plan 280

Days of Hospitalisation:
5 days

Comparison between treatment received at Government and Private Hospitals:

	Government Hospital	Private Hospital
Total Eligible Medical Expenses	RM50,000	RM50,000
Co-Takaful	10% Co-Takaful (Capped at RM1,000)	10% Co-Takaful (Capped at RM1,000)
Required to Pay Co-Takaful?	No	Yes
Total Medical Cost Covered by MediAfya	RM50,000	RM49,000
Total Medical Cost Borne by Rina	Waived	RM1,000
Daily Cash Allowance	RM280 x 5 = RM1,400	Not Applicable
Description	As Rina is admitted to a Government Hospital, Co-Takaful will be waived and a total of RM1,400 will be payable as Daily Cash Allowance.	As 10% Co-Takaful amount is more than the maximum amount payable for Co-Takaful, the final Co-Takaful amount which Rina will have to bear is RM1,000.

Rahman



Scenario 2 – Hospitalisation Due to Accident

MediAfya Plan 180

	Private Hospital
Total Eligible Medical Expenses	RM50,000
Co-Takaful	10% Co-Takaful (Capped at RM1,000)
Required to Pay Co-Takaful?	No
Total Medical Cost Covered by MediAfya	RM50,000
Total Medical Cost Borne by Rahman	Waived
Description	As Rahman is hospitalised due to an accident, the Co-Takaful will be waived and the medical bill is fully covered by MediAfya.

Wakalah Model

Zurich Takaful Malaysia Berhad operates under the Wakalah model, whereby we act as an agent to the Participant for managing the operations of the Takaful business. A Wakalah fee will be charged up front from the contributions made. Tabarru'¹ (donation) will be deducted to the Participant Risk Fund (PRF)², where it will be used for mutual aid and assistance, based on the concept of Takaful. The benefits are paid from the PRF only upon a covered event, and not upon maturity or surrender of the certificate. If there is a Surplus Sharing declared at the end of each financial year, the surplus will be shared 50:50 between the eligible Participant and Takaful Operator (or us) based on the contract of Hibah (gift) and Ju'alah (performance fee) respectively. The investment profit generated in the Participant Investment Account (PIA) is NOT GUARANTEED and depends on the actual performance of the investment. 100% of the investment profit earned in the PIA belongs to the Participants and will be credited back into PIA.

¹Tabarru' means donation and is the amount that the Participant agrees to relinquish to assist those persons participating in the Takaful Plan and to pay for the Takaful Coverage.

²Participant Risk Fund (PRF) is a Participants' holding account where the Tabarru' (donation) will be credited and used to help other Participants in times of misfortune.

Frequently Asked Questions

1

What is MediAfya?

MediAfya is an optional contribution-paying rider attachable to selected ordinary family takaful plans, and provides medical coverage up to age 80.

2

What is the coverage term for MediAfya?

The rider coverage term will follow the coverage term of your basic certificate of ordinary family takaful plan.

3

Who is eligible for cover under MediAfya?

Any Person Covered aged between 30 days old to 70 years old (attained age) is eligible for cover under MediAfya as a rider to selected ordinary family takaful plans. The Participant must be at least 16 years old.

4

How much is the contribution?

The contribution will vary according to the attained age, gender, plan selected and underwriting decision. The contribution will be adjusted automatically as you get older. We will notify you about any revision to the contribution and Tabarru' by giving you 3 months prior written notice. Please refer to the Product Disclosure Sheet for the contribution.

5

What are the fees and charges for MediAfya?

Fees and Charges	Description
Wakalah Fees	28% of the contribution will be charged as Wakalah Fee throughout the coverage term.
Tabarru'	Tabarru' is deducted monthly from Participant Investment Account (PIA) to pay for your takaful coverage. The Tabarru' rates are based on Person Covered's attained age, gender, plan selected and underwriting decisions.

6

Is the contribution made for this medical rider eligible for income tax relief?

Yes. Contribution made is entitled to income tax relief in addition to other family takaful or life insurance plans, subject to the final decision of the Inland Revenue Board of Malaysia (IRB).

7

What is Co-Takaful and how does it work?

Co-Takaful is a cost-sharing arrangement between the Participant and Zurich Takaful Malaysia Berhad. The Participant shall pay 10% of the total eligible medical expenses under MediAfya, subject to a maximum of RM1,000, while Zurich Takaful Malaysia Berhad shall cover the remaining balance.

Here is an example on how Co-Takaful is calculated:

	Example 1	Example 2
Total Eligible Medical Expenses	RM5,000	RM20,000
10% Co-Takaful (Capped at RM1,000)	RM500	RM1,000

However, Co-Takaful will be waived for admission to a Malaysian Government/ Semi-Government Hospital (due to any cause) or Private Hospital (due to accident only).

8

Am I covered for medical treatment received outside Malaysia?

Yes, but the medical treatment outside Malaysia has to be referred by the Attending Physician, and it is limited to the Reasonable and Customary and Medically Necessary Charges that are equivalent to the local treatment found in Malaysia. This worldwide coverage is subject to you not residing or travelling outside Malaysia for more than 90 consecutive days.

9

What are the major exclusions for MediAfya?

MediAfya does not cover any hospitalisation, surgery or charges listed below. Please note that the list is not exhaustive and reference should be made to the comprehensive list in the Supplementary Certificate.

1. Pre-existing condition.
2. Specified Illnesses occurring during the first 120 days of continuous cover.
3. Any medical or physical conditions arising within the first 30 days of the Commencement Date or Reinstatement Date of the Supplementary

Important Notes

- Zurich Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia. Zurich Takaful Malaysia Berhad is required to strictly comply with Shariah and Regulatory requirements.
- This is a Takaful product and it is designed in line with Shariah principles.
- MediAfya is a contribution-paying medical rider attachable to selected ordinary family takaful plans. Tabarru' is deducted monthly from the Participant Investment Account, depending on the attained age, gender, health condition and the plan selected.
- This is a yearly renewable family takaful medical plan that provides coverage up to age 80. It does not provide benefit upon termination, expiry or maturity of the certificate.
- You should ensure that this rider can best serve your needs and that the total contributions made under the certificate is an amount you can afford.
- If the basic certificate of ordinary family takaful plan to which this rider is attached is cancelled within the free-look period of 15 days from the date of delivery of certificate document, Zurich Takaful Malaysia Berhad shall return the full contribution made, less any medical expenses due.
- Contribution and Tabarru' charges for this plan are not guaranteed and Zurich Takaful Malaysia Berhad reserves the right to revise contribution and Tabarru' by giving the Participant 3 months prior written notice.
- This brochure contains only a brief description of the product and is not exhaustive. It is recommended that you read this together with Marketing Illustration and Product Disclosure Sheet to know more about the product. For a detailed explanation of its benefits, exclusions, terms and conditions, please refer to the certificate wording. Alternatively, you may contact our Wealth Planners for more information.
- All contribution and fees made to this rider may be subject to tax or other government levies.
- English version shall prevail in the event of any dispute or ambiguity arising out of the translation to Bahasa Malaysia.

Panel Hospitals

Please visit <https://www.zurich.com.my/en/customer-hub/my-claims/panel-hospitals> to download the list of panel hospitals.

For more information and assistance on **MediAfya**, please contact our **Zurich Wealth Planner** or **Zurich Call Centre** at **1300-888-622** or email us at **callcentre@zurich.com.my**